



MSM luas operasi global

Berunding dengan 4 entiti untuk jalin kerjasama, pengambilalihan

Oleh Syarifah

Dayana Syed Bakri

dayana@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM), pengeluar gula terbesar negara sedang berunding dengan empat entiti global untuk menjalin kerjasama atau pengambilalihan bagi mengembangkan operasi perniagaan di luar negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Datuk Dr Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, langkah pengembangan operasi di beberapa negara itu membolehkan industri hulu- dan hiliran.

"Kami merancang untuk meluaskan operasi di Indo China bagi industri hulu- dan manakala Asia dan negara Afrika bagi produk hiliran.

"Ia dijangka mengu-

kuhkan kedudukan syarikat dalam usaha menjadi antara pemain industri utama global pada masa akan datang," katanya.

Menurutnya, MSM yang juga cabang perniagaan gula FELDA Global Ventures Holding Bhd (FGV) bersedia mengambilalih syarikat kecil atau pemain utama yang

berpotensi bagi mengukuhkan kehadiran di peringkat global.

"Kami memiliki beberapa pilihan sama ada menjalinkan usaha sama dengan rakan niaga di negara berkenaan atau mengambil alih syarikat. Ia bergantung kepada keperluan dan potensi.

"Bagi produk hiliran pula,

pemilihan Asia dan negara Afrika sebagai hab baru didorong peningkatan kadar penggunaan gula di negara berkenaan," katanya selepas mesyuarat agung tahunan MSM di Kuala Lumpur, semalam.

Keputusan kewangan suku pertama berakhir 31 Mac tahun ini, menyaksikan MSM merekodkan keuntungan bersih lebih rendah iaitu RM56.33 juta, susut sembilan peratus berbanding RM61.96 juta bagi tempoh sama tahun lalu.

Pendapatan syarikat juga susut 3.2 peratus kepada RM498.26 juta berbanding RM514.96 juta susulan jualan pasaran domestik dan eksport lebih rendah walaupun jualan industri me-

Sheikh Awab berkata, MSM akan memberi tumpuan kepada perniagaan hulu- merangkumi penanaman tebu dan proses bahan mentah bagi menghasilkan gula.

Dalam pada itu, menurutnya perjanjian usaha sama bagi membangunkan kilang penapisan gula dengan Al-Khaleej International Ltd (AKI) yang membolehkan pelaburan lebih RM800 juta akan dimuktamadkan pada Julai atau Ogos ini.

Pembinaan kilang baru yang lengkap dengan kompleks logistik serta terminal kapal di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor itu, bakal menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran gula Asia Pasifik.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



DR Sheikh Awab (tengah) bersama Ketua Pegawai Kewangan MSM Raja Faridah Raja Ahmad (kiri) dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MSM Mohamad Amri Sahari melihat buku laporan tahunan selepas sidang media di Menara FELDA, semalam.

FAKTA

MSM akan memberi tumpuan kepada perniagaan hulu